

# Wartawan asing

BH - 9 JUL 1991

## sentiasa irihati

Oleh (M)  
AMINUDDIN IBRAHIM

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyifatkan tindakan sesetengah wartawan asing mela-porkan keburukan Malaysia berpunca daripada sikap irihati terhadap kejayaan negara ini.

Menurutnya, mereka tidak menumpukan perhatian terhadap negara yang tidak berjaya, tetapi berpuashati jika dapat memburukkan Malaysia. Golongan itu juga suka melihat negara ini miskin dan meminta bantuan kepada negara mereka.

"Oleh kerana kita tidak meminta bantuan negara mereka, sudah tentulah mereka cuba memburukkan negara ini dengan pelbagai cara," katanya dalam sidang akhbar setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas, dekat sini, petang ini.

Bellau berkata demikian ketika mengulas laporan mengenai dua wartawan asing yang diarah meninggalkan Malaysia berikutan membuat liputan tunjuk perasaan anti-pembalakan di jeti Kuala Baram, Miri, baru-baru ini.

Perdana Menteri berada di sini bagi menghadiri majlis penutup sukan tahunan jabatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Changlun, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, wartawan asing yang berada di negara ini ma-

sih mempunyai sikap imperialis terhadap laporan mereka.

Menurutnya, laporan di kalangan wartawan asing terhadap negara ini menunjukkan seolah-olah pimpinan di negara ini tidak tahu memerintah negara ini dengan sempurna.

"Tindakan mereka dengan laporan memburuk-burukkan Malaysia juga seolah-olah mereka mahu menunjuk ajar kepada kita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Wartawan asing yang berada di negeri ini bersikap angkuh dan seolah-olah mereka lebih tahu daripada kita.

"Di zaman mereka memerintah orang Penan dulu, keadaannya lebih buruk daripada sekarang," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan manapis kemasukan wartawan asing ke negara ini, Perdana Menteri berkata: "Kita tak bercadang berbuat demikian, mereka nak datang, datanglah.

"Kita juga tak pernah berharap mereka akan membuat laporan yang baik terhadap negara kita. Hanya kita saja yang selalu membuat laporan menumpukan terhadap kebaikan negara asing."

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebudayaan wartawan asing ialah untuk memperkecilkan pencapaian negara ini sebagai negara orang kulit hitam.

Bellau tidak menafikan perasaan meninggi di kalangan wartawan asing masih wujud.

Mengenai dakwaan DAP terhadap Barisan Nasional (BN) yang akan membelanjakan jumlah peruntukan lebih daripada yang ditetapkan dalam kempen pilihanraya kecil Prai, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Itu perkara biasa. DAP memang selalu membuat tuduhan, terutama tuduhan yang membolehkan mereka bebas daripada sebarang tindakan undang-undang," katanya.